

UMT SAMBUT BULAN KEMERDEKAAN PESTA KONVO SERENTAK

KOSMO 24/08/07 pg.14
MERIAH. Pesta sempena majlis konvokesyen kelima Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang dibuka secara rasmi di Kuala Terengganu semalam diserikan dengan sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat universiti itu.

Lebih menggamatkan sambutan, seramai 200 pelajar dan kakitangan UMT hadir bagi memeriahkan sambutan tahunan yang turut menyediakan pelbagai program menarik.

Antara yang disediakan sepanjang empat hari pesta yang bermula semalam ialah persembahan nyanyian, pertandingan mewarna, sukan rakyat dan banyak lagi serta gerai-gerai jualan.

Selain itu, hasil penyelidikan UMT turut dipamerkan di bilik komputer Pusat Teknologi Maklumat Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT sepanjang pesta berlangsung.



SEBAHAGIAN pelajar UMT mengibarkan Jalur Gemilang di Dataran UMT semalam.